

## **PENDEKATAN SAND PLAY DALAM MENANGANI MASALAH PERGAULAN SOSIAL: SATU KAJIAN KES**

Oleh

**Peridah Binti Mahal**

### **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan untuk membincangkan proses perkembangan sesi kaunseling dengan menggunakan modaliti sand play dalam pengendalian permasalahan murid di Sekolah Kebangsaan A, Kuching. Klien adalah seorang murid perempuan dari Tahun 5 yang dipilih mengikut kerelaan murid itu sendiri dan dia menghadapi masalah perhubungan sosial. Data diperolehi melalui pemerhatian, penggunaan modaliti sand play, laporan kaunseling dan temu bual klien yang dirakamkan dalam empat sesi kaunseling. Data yang diperolehi diproses dan telah dianalisis berdasarkan perkembangan yang berlaku di sepanjang proses sesi kaunseling menggunakan modaliti sand play. Kajian menunjukkan klien yang dikaji mempunyai tindak balas yang memerangsangkan iaitu tempoh penerokaan dan tahap celik akal adalah lebih cepat. Modaliti sand play yang dijalankan terhadap klien ini telah berjaya mengurangkan rasa takut terhadap pelatih kaunseling, meningkatkan tahap kepercayaan dan memudahkan proses sesi kaunseling.*

### **1.0 Pengenalan**

Alam sekolah rendah merupakan alam kedua untuk kanak-kanak bersekolah sekiranya mereka pernah memasuki prasekolah. Ia merupakan pendedahan awal kanak-kanak dalam aspek sosial. Dalam alam ini, kanak-kanak lebih suka kepada pembelajaran yang bersifat aktiviti dan permainan berbanding dengan teori. Rakan-rakan sekolah memberikan pengaruh besar terhadap sosial dan emosi murid dan boleh mempengaruhi kehidupannya pada masa hadapan. Dalam hal ini, peranan ibu bapa amat penting dalam membimbing, menyokong dan menggalakkan anak-anak berkembang menjadi individu yang bebas dan berupaya untuk membuat pilihan terbaik dalam hidupnya. Ini kerana, ibu bapa merupakan model utama yang menjadi contoh kepada anak-anak. Pergaulan anak-anak dengan ibu bapa sewaktu kecil juga banyak mempengaruhi cara sosial dan emosi anak-anak pada masa hadapan. Menurut Kenny dan Rice (1995), murid yang mempunyai pertautan yang selamat dengan ibu bapa mereka akan mempunyai konsep sendiri yang lebih jelas dan harga diri yang lebih tinggi.

### **1.1 Penyataan Masalah**

Pada tahap ini, murid-murid sekolah rendah dikatakan mengalami tahap perkembangan yang normal dari segi intelek mahupun fizikal. Walau

bagaimanapun, keadaan persekitaran akan membentuk tingkah laku dan sifat-sifat murid sama ada sifat yang positif atau sifat yang negatif. Kenakalan dan peristiwa yang dialami di rumah seperti penderaan dan penggunaan bahasa yang kasar boleh menjejaskan perkembangan sosial dan intelek mereka.

Murid-murid yang mengalami masalah di dalam keluarga biasanya akan mempengaruhi pergaulan sosial mereka di sekolah. Beberapa faktor seperti kesibukan kedua ibu bapa, penceraian, lalai terhadap agama, terlalu dimanjakan atau ibu bapa yang terlalu autokratik boleh dikaitkan dengan punca masalah kepada murid berkenaan.

## **1.2 Tujuan Kajian**

Kajian kes ini cuba menghuraikan bagaimana penggunaan modaliti *sandplay* membantu klien dalam menghadapi masalah sosial dan kekeluargaan.

## **1.3 Persoalan Kajian**

Kajian kes ini adalah untuk menjawab soalan berikut.

- Bagaimana modaliti *sand play* membantu dalam proses kaunseling?

## **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian kes ini amat penting untuk membangunkan emosi dan intelektual murid dari peringkat rendah lagi. Penggunaan modaliti *sand play* juga bersesuaian mengikut usia murid sekolah rendah. Bimbingan dan kaunseling adalah amat penting di sekolah rendah kerana peringkat sekolah rendah merupakan permulaan murid menuju ke alam remaja yang penuh dengan cabaran. Pendedahan awal ini dapat membantu mereka agar menghasilkan tingkah laku dan sikap yang positif pada masa hadapan.

## **1.5 Batasan Kajian**

Kekangan masa merupakan salah satu batasan kajian ini. Selain itu, keadaan persekitaran di luar jangkaan seperti masalah jerebu, dan wabak H1N1 menyebabkan klien tidak hadir mengikut perancangan asal.

## **2.0 Kajian-kajian Lepas**

*Sand therapy* kini giat berkembang sebagai satu teknik dan boleh diguna untuk klien kanak-kanak sehingga orang tua. Ia juga boleh menimbulkan satu pengalaman transformasi yang amat mendalam bagi kedua-dua pihak klien dan ahli terapi (Adams, 1999; Bradway, 1991; Pattis, 2002; Reece, 2004). Peranan ahli terapi dan klien adalah berbeza berdasarkan teori pegangan ahli terapi berkenaan (Boik & Goodwin, 2000; Cunningham, 2003; Millikan, 1992; Turner, 1993). Terdapat dua mazhab dalam menghuraikan modaliti *sand play*.

**2.1 Sand play** adalah berdasarkan psikologi C. G. Jung dan diperkenalkan pada tahun 1930-an oleh Frau Dora Kalff (1980). Sejarah *sand play* boleh diperolehdalam penulisan Mitchell and Friedman (1994). Selain menerapkan psikologi Jungian, ahli terapi *sand play* menganggap hasil mengguna pasir sesuatu merupakan sesuatu yang harus dihormati (Amatruda & Simpson, 1997; Ammann, 1991). Kesenyapan amat penting dalam proses *sand play* (Bradway,1997; Signel, 1999). Kebanyakan bacaan adalah dalam bentuk kajian kes (C.G. Jung Institute, 1981; Ryce-Menuhin, 1992; Turner, 2005; Weinrib, 1983). Unsur silang budaya, antropologi dan aplikasi konstruk boleh diperolehi dalam kerja-kerja Hunter (1998) dan Preston-Dillon (1999).

**2.2 Sand play therapy** adalah satu pendekatan yang generik yang mengguna pelbagai teori. Ahli terapi bukan mazhab Jungian telah menerapkan *sand play* untuk mengintegrasikan seni kreatif (Homeyer & Sweeney, 2005; Pruyn Reed, 1980; Rowe, 2007; Steinhardt, 2000; Wang Flahive & Ray, 2007). Penerapan penggunaan *sand* ini amat berguna untuk sekolah, hospital. Teori alternatif untuk memahami *sand play* boleh diperolehi daripada model Adlerian oleh Bainum, Schneider dan Stone (2006); penggunaan konstruktivisme oleh Dale dan Lyddon (2000); aplikasi artikel Klein oleh Griffith Clegg (1984); dan *object relations* oleh Waterman (1997).

### **2.3 Tujuan, Proses dan Projektif**

Secara traditional, klien mengguna dulang pasir kayu yang berwarna biru pada bahagian bawah dan tepi yang melambangkan air dan langit. Simbol daripada kategori diperlukan untuk mewujudkan `gambar' dalam dulang. Pasir yang biasa diguna adalah pasir semula jadi yang berwarna perang, hitam, merah dan putih. Pemahaman mitos, cerita dan makna simbol merentasi budaya dapat mempertingkatkan kebekesanan penggunaan modality *sand play*. Ia merupakan satu teknik projektif kerana prosesnya yang mempunyai unsur interpretasi dan penggunaan simbol (Bradway & McCord, 1999; Castellana & Donfrancesco, 2005; Jackson, 1991). Pengalaman tersebut memerlukan satu ruang yang terlindung dan selamat.

### **3.0 Kaedah Penyelidikan**

Menurut Burn (1995), Merriem (1998) dan Yin (1995), penggunaan reka bentuk penyelidikan kajian kes menggunakan data kualitatif amat sesuai apabila sesuatu kajian melibatkan pemerhatian seseorang individu atau unit, satu kumpulan manusia, keluarga, satu kelas, sekolah, satu masyarakat, peristiwa atau budaya. Sesuatu kajian kes harus memberi fokus kepada subjek yang mempunyai sesuatu kriteria atau ciri yang ingin dikaji seperti mempunyai pengalaman atau peristiwa klien dalam lingkungan budaya dan persekitaraan mereka (Buran, 1995). Beberapa orang penyelidik pula lebih menekankan kebaikan kajian kes. Merriem menyatakan kajian kes digunakan untuk meningkatkan kefahaman

mendalam tentang subjek yang dikaji, memberi fokus kepada aspek proses berbanding *output*, mementingkan penemuan bukannya pengesahan sesuatu teori atau dapatan. Menurut Yin pula, kajian kes adalah berkaitan dengan strategi penyelidikan yang memberi fokus kepada persoalan 'siapa', 'mengapa', atau 'apakah'. Ini bermakna kajian kes membolehkan penyelidikan yang menyeluruh atau *holistic* bagi mengetahui ciri-ciri dalam sesuatu peristiwa atau kehidupan sebenar. Untuk mendapatkan gambaran lengkap, sesuatu kajian kes mesti mengumpul data dari berbagai sumber bagi membolehkan kefahaman yang mendalam terhadap sesuatu penyelidikan (Burn).

### 3.1 Tempat Kajian

Kajian ini dilaksanakan di Bilik kaunseling, Unit Bimbingan dan Kaunseling, SK A Kuching, Sarawak.

### 3.2 Alat modaliti *sand play*


Alatan *sand play* seperti patung-patung kecil, pasir, dan dulang, serta kamera digital untuk membuat rakaman.

### 3.3 Teknik Mengumpul Data

Temu bual, rakaman, dan laporan sesi kaunseling merupakan antara teknik mengumpul data yang digunakan.

### 3.4 Teknik Menganalisis data

Menurut Burn (1995), analisis kandungan merupakan kaedah analisis yang sering digunakan dalam kajian kualitatif. Analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti tema, konsep dan makna. Selain itu, analisis data kajian kes ini adalah berdasarkan teori REBT seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1.



Rajah 1: Analisis Data Menggunakan Teori REBT

## **4.0 Dapatan Kajian**

### **4.1 Latar Belakang Klien Kajian**

<b>Nama</b>	: Quratulani (bukan nama sebenar)
<b>Jantina</b>	: Perempuan
<b>Anak ke</b>	: Pertama daripada 6 orang adik beradik; 4 orang perempuan dan 2 orang lelaki
<b>Kelas</b>	: Tahun 5F
<b>Jenis klien</b>	: Secara sukarela
<b>Hobi</b>	: Membaca buku
<b>Cita-cita</b>	: Doktor atau peguam
<b>Bentuk fizikal</b>	: Berbadan kecil, memakai cermin mata
<b>Status ibu bapa</b>	: Bersama
<b>Klien tinggal bersama</b>	: Ibu dan bapa
<b>Pekerjaan bapa</b>	: Guru sekolah menengah
<b>Pekerjaan Ibu</b>	: Guru sekolah rendah

#### ***Pengenalan secara ringkas***

Sebelum bersekolah di SK A, Quratulani pernah bersekolah di tempat ibunya mengajar. Namun, ibunya memasukkannya ke sekolah ini semasa memasuki Tahun 4 dengan beranggapan beliau tidak mempunyai saingan di sekolah lama. Di sekolah ini, beliau mendapat kedudukan pada nombor 15, tidak seperti semasa berada di sekolah lama di mana dia sering mendapat tempat pertama.

Quratulani kelihatan begitu aktif dalam menceritakan pemasalahannya dan begitu berkeinginan untuk mendapatkan jalan penyelesaiannya daripada saya. Dari segi fizikal, klien mempunyai tubuh badan yang agak kecil dan kurus, memakai cermin mata dan merupakan seorang pustakawati. Beliau juga merupakan murid dari kelas yang terbaik di sekolah tersebut.

### **4.2 Dapatan Sesi**

#### ***Sesi 1***

Quratulani mempunyai tahap kepercayaan yang tinggi terhadap saya. Saya memperbetulkan salah tanggapan beliau terhadap perkhidmatan kaunseling. Pada awalnya, beliau menganggap saya akan memberi jawapan dan keputusan untuknya menghadapi masalah tersebut. Keadaan tersebut membuatnya sedikit termenung tetapi tidak mengurangkan tahap kepercayaannya terhadap saya. Beliau kelihatan aktif bercerita dan saya banyak menggunakan kemahiran dorongan minimum, parafrasa, empati dan meminta penjelasan.

Hubungan saya dan Quratulani yang telah pun terjalin di luar sesi membantu saya dalam mengenali dirinya dengan lebih mendalam. Alat-alat mainan mini yang dipamerkan dalam bilik kaunseling kelihatan menarik perhatiannya. Beliau kelihatan malu-malu apabila saya bertanya "Adakah

berminat terhadap mainan itu...?" Quratulani kelihatan tersipu-sipu dan hanya menggelengkan kepala.

Perbincangan sesi ini lebih kepada permasalahan sosial yang dihadapinya iaitu tiga orang murid lain membencinya (sekadar tanggapan beliau berdasarkan tingkah laku yang ditunjukkan murid-murid tersebut). Sebelum berpisah, saya mengingatkan beliau tentang etika kaunseling dan saya juga memberi kebenaran kepada beliau bermain alat mainan mini tersebut pada perjumpaan seterusnya jika beliau berkeinginan.

## **Sesi 2**

Klien nampaknya datang awal pada sesi kedua. Dia mengambil kesempatan bermain dengan alat mainan mini yang ada di dalam bilik kaunseling sebelum saya masuk. Saya sempat memerhatikan keasyikannya bermain. Dia tidak menyedari kehadiran saya dan sedikit terkejut apabila saya menyapanya dan dengan pantas dia menepuk-nepuk tangan untuk membuang pasir yang melekat di tangannya.

Kehadiran saya dengan senyuman dan tidak mempamerkan wajah marah nampaknya melegakannya. Saya memberi kebebasan kepada Quratulani untuk berbincang sambil bermain dengan alat mainan tersebut atau duduk di atas kerusi seperti sesi sebelumnya. Dia pada awalnya menolak untuk bermain tetapi setelah saya meminta penjelasan terhadap susunan alat mainan di dalam dulang, dia terus duduk di situ dan bercerita. Saya sendiri mengambil kesempatan itu duduk berhadapan dengannya.

Berikut adalah antara permulaan perbualan saya dengan Quratulani mengenai susunan alat mainan.

*"Eh, kesiannya harimau tu... dia kena kepung oleh askar....."*

*"Emm, banyaknya binatang. Mereka sedang buat apa tu.....?"*

*"Kenapa harimau tak nak berkawan dengan binatang lain.....? Kesiannya dia sorang-sorang"*

*"Em...banyak-banyak binatang yang ada di sini, awak yang mana satu...???"*

### ***Analisis Berdasarkan Gambar Sand play***



Gambar 1: Quratulani mengandaikan dirinya seperti seekor rusa yang pintar berbanding dengan binatang yang lain]

#### **Penerangan**

Rusa	= Dianggap binatang yang bijak berbanding dengan binatang yang lain (Quratulani)
Gorilla	= Rakan sekelas
Kuda	= Rakan sekelas
Itik	= Rakan sekelas
Ayam	= Rakan sekelas
Harimau dan harimau bintang	= Binatang yang garang dan ingin memakan binatang lain. (Murid yang membenci dirinya)
Dinosaur	= Binatang yang boleh diharap (pembantu)



Gambar 2: Satu pergaduhan melibatkan harimau belang dan harimau bintang dengan binatang lain. Rusa mempunyai akal untuk mengalahkan dua binatang tersebut.

#### **Penerangan**

Pergaduhan berlaku antara binatang dan akhirnya hanya tinggal harimau bintang dan harimau belang yang hidup. Quratulani merasa rendah diri dan

tiada orang yang dapat membantu dirinya dan keinginannya untuk berbaik dengan murid tersebut tidak akan tercapai.




Gambar 3: Akhirnya, semua binatang dan hanya seorang askar yang hidup

### **Penerangan**

Pada akhirnya, semua binatang mati. Harimau belang dan harimau bintang mati di tembak oleh askar. Perlawanan harimau tersebut dengan askar menyebabkan hanya seorang askar yang hidup. Setelah semua mati, binatang ini menjadi fosil dan dijumpai oleh askar yang berjaya menyelamatkan diri semasa perlawanan tersebut. Saya meminta penjelasan daripada Quratulani berkenaan dengan apa yang berlaku dan beliau menerangkan bahawa pergaduhan menyebabkan perkara ini berlaku. Saya cuba mengaitkan perkara tersebut dengan kehidupan sebenar yang dilalui oleh dirinya sendiri.

### **Sesi 3**

Berdasarkan peristiwa yang berlaku pada sesi kedua, saya menggunakan teori REBT untuk merasionalkan kepercayaan Quratulani yang tidak rasional seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2.



Rajah 2: Teori REBT untuk merasionalkan kepercayaan Quratulani



Beliau merasa semua orang mesti sayang dan baik terhadapnya. Selain mencabarnya, saya memberi tugas untuk beliau fikirkan, iaitu beliau diminta untuk memikirkan kesan yang mungkin akan dialami sekiranya dirinya berterusan mempercayai idea yang tidak rasional tersebut dan kebaikan yang diperolehinya jika dia memahami kesan akibat daripada kepercayaan yang tidak rasional itu.

#### **Sesi 4 (Penamatan)**

Quratulani hadir dengan penuh semangat pada sesi ini. Beliau juga telah mengetahui bahawa sesi ini merupakan sesi yang terakhir. Setelah melalui tiga sesi sebelumnya, beliau kini telah celik akal. Beliau memahami kesan negatif akibat idea tidak rasionalnya.

Dalam sesi ini, saya lebih banyak mendengar luahan perasaannya terhadap sesi-sesi yang telah dilaluinya dan sehingga sesi ini. Pada awal sesi, beliau merasa takut sekiranya rahsia yang diceritakan akan dihebohkan dan segan dengan guru kaunseling yang baru dikenali. Namun, setelah melalui pengalaman kaunseling, beliau kelihatan semakin yakin dan merasa lega setelah membuat perkongsian.

Sebelum menamatkan sesi, saya mencabar Quratulani sekali lagi. Antara soalan cabaran yang saya gunakan ialah "Sekiranya ada kawan awak yang tiba-tiba bermasam muka bila melihat awak, apa yang akan kamu lakukan...?"; "Sekiranya dia tidak mahu berkawan dengan awak..... walaupun awak dah minta maaf.....?"; "Bila awak bersedih mengenangkan sikapnya terhadap awak, adakah dia datang dan memohon maaf....?"; "Jika awak terus bersedih dan merasa rendah diri, apa yang akan berlaku terhadap awak seterusnya.....?"

## **5.0 Perbincangan dan Rumusan Kajian**

### **5.1 Pengenalan**

Quratulani berminat untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling setelah membaca risalah dan memerhati rakan-rakannya yang menjalani sesi kaunseling. Pada awalnya, beliau merasa segan untuk membuat temujanji kaunseling individu. Namun, beliau akhirnya bersetuju setelah berbincang pada waktu rehat di dalam bilik kaunseling.

Keinginannya yang bersungguh-sungguh merupakan kekuatan padanya. Pada awalnya, perkongsian hanyalah berkisar pada rakan-rakan yang tidak mahu menegurnya dan berlagak sombong pada pandangan matanya sedangkan beliau sendiri tidak pernah membuat teguran terlebih dahulu.

Beliau juga menceritakan yang dirinya ditukar ke sekolah ini kerana tidak mendapat saingan di sekolah lama. Dia merujuk kepada dirinya yang tergolong di dalam kategori pandai.

## **5.2 Rumusan Dapatan Kajian**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan pendekatan *sand play* memudahkan proses penerokaan terhadap Quratulani sebagai klien. Kes ini melibatkan faktor keluarga seperti gaya asuhan, kasih sayang dan kawalan memberi kesan terhadap pembentukan identiti klien. Kecacatan dalam aspek kekeluargaan boleh menyumbang kepada ketidakupayaan klien menangani pergaulannya semasa berada di sekolah.

Modaliti *sand play* telah memudahkan saya dalam mengenali diri Quratulani sebagai klien dengan lebih mendalam lagi. Penggunaan *sand play* ini menyebabkan klien bercerita sambil bermain dan tanpa sedar klien telah menceritakan perkara yang telah dialaminya. Setelah masalah sebenar dikenal pasti, saya seterusnya bersama-sama dengan klien serta berusaha untuk mencari alternatif dan memberikan latihan tegas diri dalam membantu klien untuk membuat keputusan dan bersedia untuk bertanggungjawab menerima keputusan itu.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa pendekatan *sand play* dalam proses kaunseling dapat mendatangkan celik akal kepada klien terhadap pemasalahan yang dialaminya. Perkhidmatan yang telah dilaksanakan secara professional dapat meninggalkan kesan positif terhadap perubahan jangka pendek dan jangka panjang. Hubungan yang dibina dapat menyakinkan dan membina kepercayaan klien seterusnya klien tidak takut untuk berjumpa saya membuktikan bahawa terdapatnya perubahan di dalam persepsi klien terhadap perkhidmatan kaunseling.

Perkhidmatan kaunseling ini perlu diperkembangkan dengan pendekatan *sand play* bagi membantu murid-murid yang memerlukan sokongan emosi yang berterusan dalam menghadapi cabaran.

## **6.0 Cabaran dan Masalah**

Sepanjang tempoh perancangan untuk menjalani sesi seperti yang telah dipersetujui oleh Quratulani, saya dapati Quratulani tidak hadir pada perjumpaan yang ketiga. Ini menyebabkan rakaman yang berjaya dirakam hanya ada empat sesi sahaja.

Gangguan daripada murid-murid lain yang tidak faham dengan notis yang ada diluar pintu juga sering mengganggu sesi kaunseling.

## **7.0 Cadangan Kajian Lanjutan**

Penyelidikan yang akan datang diharap akan dapat membuat perbandingan di antara penggunaan modaliti *sand play* dengan pendekatan seni untuk melihat keberkesannya.

## **Bibliografi**

- Adams, K. (1999). The power of sand play. *Journal of Sandplay Therapy*, 13, 89-100.
- Amatruda, K. & Helm Simpson, P. (1997). *Sand play, the sacred healing: A guide to symbolic process*. Taos, NM: Trance Sand Dance Press.
- Ammann, R. (1991). *Healing and transformation in Sand play: Creative processes become visible*. LaSalle, IL: Open Court.
- Bainum, C., Schneider, M. & Stone, M. (2006). An Adlerian Model for Sand tray Therapy. *Journal of Individual Psychology*, 62, 36-46.
- Boik, B. L. & Goodwin, E. A. (2000). *Sand play Therapy: A step-by-step manual for psychotherapists of diverse orientations*. New York: Norton and Company.
- Bradway, K. (1997). *Sand play: Silent workshop of the psyche*. New York: Routledge.
- Bradway, K. (1991). Transference and countertransference in sand play therapy. *Journal of Sandplay Therapy*, 1, 25-43.
- Bradway, K. & McCord, B. (1999). Sand play and active imagination. *Journal of Sandplay Therapy*, 13, 9-12.
- C.G. Jung Institute of San Francisco. (1981). *Sand play studies: Origin, theory and practice*. San Francisco, CA: Author.
- Cameron, S. (2003). Recognizing the appearance of the Self in sand play therapy. *Journal of Sandplay therapy*, 12, 133-141.
- Castellana, F. & Donfrancesco, A. (2005). Sand play in Jungian analysis: Matter and symbolic integration. *Journal of Analytical Psychology*, 50, 367-382.
- Chiaia, M. E. (1998). Losing and finding: One child's experience of mourning. *Journal of Sandplay Therapy*, 10, 19-41.
- Cunningham, L. (2003). *Countertransference in sand play: A symbolic/clinical approach*. Doctoral dissertation. California Institute of Integral Studies, California.
- Cunningham, L. (1997). The therapist's use of self in sand play: Participation mystique and projective identification. *Journal of Sandplay Therapy*, 5, 121-135.

- Dale, M. & Lyddon, W. (2000). Sand play: A constructivist strategy for assessment and change. *Journal of Constructivist Psychology, 13*, 135.
- Griffith Clegg, H. (1984). *The reparative motif*. New York: Jason Aronson.
- Homeyer, L. E., & Sweeney D.S. (2005). Sandtray therapy. In C.A. Malchiodi (Ed.). *Expressive therapies*. (pp. 162-182). New York: Guilford Press.
- Hunter, L. B. (1998). *Images of resiliency: Troubled children create healing stories in the language of sand play*. Palm Beach, FL: Behavioral Communications Institute.
- Jackson, B. (1991). Before reaching for the symbols dictionary. *Journal of Sandplay Therapy, 1*, 55-60.
- Kalff, D. M. (1980). *Sand play: A psychotherapeutic approach to the psyche*. Boston: Sigo Press.
- Klaff, M. (1993). Twenty points to be considered in the interpretation of a sand play. *Journal of Sandplay therapy, 2*, 17-35.
- Millikan, F. (1992). Relationship and process in sand play: A self psychology perspective. *Journal of Sandplay Therapy, 2*, 39-51.
- Mitchell, R. R. & Friedman, H. S. (1994). *Sand play: Past, present and future*. New York: Routledge.
- Pattis, E. (2002). What can a Jungian analyst learn from sand play? (Translated by Henry Martin). *Journal of Sandplay Therapy, 11*, 29-41.
- Preson-Dillon, D. (May, 1999). *Culturally enhanced interpretations of Jungian sand scenes for multicultural participants: Native American and Native Hawaiian perspective*. San Francisco: Saybrook Graduate School. Unpublished Dissertation.
- Pruyn-Reed, J. (1980). *Emergence: Essays on the process of individuation through sand tray therapy, art forms, and dreams*. Albuquerque, NM: JPR Publications.
- Reece, S. T. (2004). The crucial moment in sand play relationship: The therapist's emotive experiences. *Journal of Sandplay Therapy, 13*, 131-146.

- Rowe, N. M. (2007). Sand, water, silence-the embodiment of spirit: Explorations in body and psyche. *Journal of Transpersonal Psychology*, 39, 105-106.
- Ryce-Menuhin, J. (1992). *Jungian sand play: The wonderful therapy*. New York: Routledge.
- Signal, K. A. (1999). Silence and sand play. *Journal of Sandplay Therapy*, 5, 69-87.
- Steinhardt, L. (2000). *Foundation and form in Jungian Sandplay*. Philadelphia, PA: Jessica Kingsley Publishers.
- Turner, B. A. (2005). *The handbook of Sandplay Therapy*. Cloverdale, CA US: Temenos Press.
- Turner, B. A. (1993). Symbolic process and the role of the therapist in sand play. *Journal of Sandplay Therapy*, 3, 85-95.
- Wang Flahive, M. & Ray, D. (2007). Effect of group sand tray therapy with preadolescents. *Journal for Specialists in Group Work*, 32, 362-382.
- Waterman, B. (1997). Developmental considerations: Sand play process as a bridge between object relations psychotherapy and the transpersonal. *Journal of Sandplay Therapy*, 6, 105-121.
- Weinrib, E.L. (1983). *Images of the self*. Boston: Sego Press.